

TARIKH : 28 NOVEMBER 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## 2 langkah besar penjimatan

# 2 langkah besar penjimatan

Pakar saran teliti projek setiap kementerian, kawal ketirisan subsidi

SHAH ALAM

Terdapat dua langkah utama yang boleh dilaksanakan kerajaan di bawah pentadbiran Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam usaha menjimatkan perbelanjaan negara dan mengelakkan pembaziran.

**Pensyarah** Kanan Politik Ekonomi Universiti Teknologi Mara Sabah, Dr Firdausi Suffian berkata, dua perkara itu adalah meneliti semula pelaksanaan projek setiap kementerian dan menangani ketirisan dalam pemberian subsidi. Katanya, untuk memastikan penjimatan dapat dilakukan, kerajaan harus membuat penilaian



FIRDAUSI

yang teliti supaya perbelanjaan bakal dikeluarkan itu hanya tertumpu kepada projek yang mampu memberi nilai tambah kepada pembangunan ekonomi dan rakyat.

"Amalan dan langkah penjimatan ini kena datang daripada setiap kementerian berserta perancangan tersendiri untuk tujuan penjimatan," katanya kepada *Sinar Harian*.

Firdausi berkata, dengan mengambil langkah tersebut, kerajaan dianggarkan dapat menjimatkan sekitar hampir RM1 bilion setahun.

Beliau berkata, nilai boleh diijimatkan adalah selepas mengambil kira jumlah kerugian dialami negara akibat pembaziran dan ketirisan seperti tercatat dalam Laporan Ketua Audit Negara 2019.

"Jumlah RM1 bilion ini sama dengan bajet tahunan untuk pembangunan negeri Perlis. Bayangkan jumlah sebegitu besar boleh tiris begitu sahaja," ujarnya.

Mengulas mengenai ketirisan dalam pemberian subsidi pula Firdausi berkata, pemantauan



Selain perbelanjaan kementerian, kerajaan juga disaran mengawal ketirisan subsidi kepenggunaan seperti petrol.

wajar ditingkatkan agar ia tidak terbazir kepada kumpulan tidak memerlukan.

Kerajaan mengunjurkan perbelanjaan subsidi kepenggunaan berjumlah RM77.3 bilion bagi 2022 setakat ini. Subsidi kepenggunaan berkenaan meliputi petrol, diesel, gas petroleum cecair (LPG), minyak masak, tepung dan elektrik bagi mengurangkan kos sara hidup rakyat.

Sementara itu, Ketua Penyelidik Institut Penyelidikan Ekonomi Malaysia, Dr Shankaran Nambiar berkata, kerajaan wajar

menyemak dengan teliti setiap projek yang dilaksanakan jika mahu melakukan penjimatan secara signifikan.

Katanya, dengan mengamalkan proses perolehan dan tadbir urus yang baik, kerajaan boleh mendapatkan penjimatan antara 6 hingga 10 peratus daripada setiap projek yang dijalankan.

"Proses penjimatan ini matlamat utamanya adalah supaya dana yang ada itu dapat dikembalikan kepada program yang mampu meningkatkan kesejahteraan penduduk," katanya.